



04 SEP, 2020

Pekerja Industri Minyak, Gas wajib jalani ujian saringan Covid-19

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Pekerja Industri Minyak, Gas wajib jalani ujian saringan Covid-19

KUCHING: Berkuatkuasa 4 September 2020, semua rakyat Malaysia dalam kategori Pekerja Industri Minyak dan Gas yang akan bertugas diwajibkan menjalani ujian saringan Covid-19 sebelum ke pelantar.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, bagi warganegara asing dan rakyat Malaysia yang balik dari luar negara, sebelum ke pelantar, mereka wajib menjalani saringan Covid-19 dan dikuarantin wajib 14 hari.

“Untuk pekerja yang bertukar syif dari pelantar minyak ke darat akan diambil saringan secara rawak dan tidak perlu menjalani kuarantin,” ujar beliau.

Beliau berkata demikian dalam sidang media laporan harian Covid-19 di Sarawak di Bangunan Dun Lama semalam.

Beliau menambah Jawatankua-

sa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) turut membuat keputusan berkenaan garis panduan pembukaan kolam renang.

“Semua aktiviti kolam renang di (Hotel/Pangsapuri/Awam) dibenarkan beroperasi mulai 4 September 2020 dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan Sarawak.

“Berkuatkuasa 4 September hingga 31 Disember 2020, waktu operasi bagi semua Pusat Hiburan hanya dibenarkan beroperasi sehingga 12.00 malam sahaja,” jelasnya.

Beliau berkata, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan 114 notis kompaun kerana tidak mematuhi SOP.

“Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Kuching (105) iaitu pelanggan di sebuah Pusat Hiburan di Jalan Petanak,

Padawan (6), Kota Samarahan (1), Betong (1) dan Sarikei (1).

“Sebanyak lima tangkapan telah dilakukan iaitu seorang pengurus pusat hiburan, tiga pekerja dan seorang pelanggan warga Indonesia di sebuah pusat hiburan di Jalan Petanak, Kuching kerana tidak mematuhi SOP premis perniagaan termasuk penjarakan fizikal,” kata Uggah.

Uggah memberitahu PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup muka di tempat awam.

“Semalam sebanyak 1,513 premis telah dipantau iaitu pasar raya (153), restoran (301), kilang (7), bank (109), pejabat kerajaan (40), penjaja (26), pasar tani/awam (70), tempat ibadah (63), tempat riadah (38), tapak pembinaan (21) dan lain-lain (685).



04 SEP, 2020

Pekerja Industri Minyak, Gas wajib jalani ujian saringan Covid-19

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Berkuatkuasa 4 September 2020, semua rakyat Malaysia dalam kategori Pekerja Industri Minyak dan Gas yang akan bertugas diwajibkan menjalani ujian saringan Covid-19 sebelum ke pelantar. Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, bagi warganegara asing dan rakyat Malaysia yang balik dari luar negara, sebelum ke pelantar, mereka wajib menjalani saringan Covid-19 dan dikuarantin wajib 14 hari.